

02 OCT 2001

Mahathir-Perang

MAHATHIR BERI INGATAN KEPADA ASEAN MENGENAI PENGLIBATAN DALAM PERANG

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Asean tidak harus menyertai perang, jika peperangan berlaku, tetapi sebaliknya menjadi kuasa moderate untuk menggesa supaya ditamatkan konflik seumpama itu.

"Kita tidak harus menyertai perang. Jika kita berbuat demikian, kita hanya y membantu memburukkan lagi konflik kerana perang habis-habisan adalah penyelesaian yang silap kerana banyak orang yang tidak berdosa akan terbunuh," kata beliau dalam wawancara dengan empat wartawan Asean menerusi program "In Conversation" yang disiarkan oleh TV3 malam ini.

Perdana Menteri telah ditanya mengenai senario bagi Malaysia dan Asean jika Amerika Syarikat menyerang Afghanistan sebagai tindakan balas terhadap serangan yang memusnahkan menara berkembar Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington pada 11 Sept lepas, menyebabkan beribu-ribu orang dikhuatiri terbunuh.

Dr Mahathir berkata orang luar mungkin tidak sukakan kerajaan Taliban di Afghanistan dan dalam keadaan seperti ini, rakyat Afghanistan sendiri juga tidak terkecuali.

"Tetapi mereka mereka tidak mempunyai cara untuk menggulingkan kerajaan. Dalam peperangan, mereka yang tidak sukakan kerajaan Taliban juga akan dibunuh. Justeru itu, tidaklah adil untuk melancarkan peperangan habis-habisan terhadap mereka," kata beliau.

Pemimpin Taliban di Afghanistan telah mengaku bahawa mereka menyembunyikan Osama bin Laden, jutawan Arab Saudi yang dikatakan mendalangi serangan di bumi Amerika Syarikat.

Dr Mahathir ialah pemimpin Asean yang pertama diwawancara dalam rancangan selama sejam itu yang ditonton oleh kira-kira 300 juta penonton di rantau itu.

Ia hasil daripada kerjasama antara TV3, stesen televisyen Thailand iTV, RCTI (Indonesia) dan ABS-CBN (Filipina).

Selain isu peperangan dan keganasan, Dr Mahathir juga dikemukakan pelbagai soalan termasuk mengenai Asean, ekonomi, percubaan oleh sesetengah pihak untuk menubuhkan negara Islam di Malaysia dan globalisasi.

Dr Mahathir menarik perhatian bahawa tindakan antarabangsa hendaklah diusahakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan bukan cuma oleh sebuah negara.

"Tetapi ada kecenderungan bagi sesetengah pihak untuk mengeneipkan PBB dan ini berlaku terutama kuasa-kuasa besar. Oleh sebab itu, keputusan dibuat yang tidak benar-benar mencerminkan kepentingan dunia secara keseluruhan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata mesyuarat akan datang ketua-ketua kerajaan Asean di Brunei Darussalam kemungkinan akan membincangkan perkembangan di Amerika Syarikat dan kesannya kepada rantau ini.

Beliau berkata: "Saya berpendapat sama ada kita suka atau tidak, kita perlu membincangkan apa yang berlaku di Amerika Syarikat semata-mata kerana Asean sebenarnya blok perdagangan dan kemakmuran kita bergantung kepada perdagangan. Apabila pasaran terjejas atau tidak menunjukkan prestasi yang baik, kita akan menderita."

"Justeru, kita perlu membincangkan perkara ini untuk mencari jalan dan cara bagi mengatasinya dan menggerakkan rancangan dan alternatif baru yang akan membantu memulihkan ekonomi."

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata Asean mesti menentang keganasan

dan untuk menangani keganasan, tindakan tentera tidak mencukupi kerana perjuangan itu ialah menentang musuh bersifat "halimunan".

"Ia bukan seperti berperang menentang sebuah negara. (Apabila) kita berperang terhadap sebuah negara, kita tahu di mana sempadannya. Tetapi (apabila) kita menentang pengganas, kita sedang menentang musuh yang bersifat halimunan. Kita langsung tidak tahu sama ada orang yang bercakap dengan kita adalah pengganas atau tidak...Kita boleh membunuh seribu orang pengganas tetapi bagaimana kita hendak tahu sama ada terdapat pengganas lain," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kaedah utama untuk menentang pengganas ialah melenyapkan punca keganasan seperti yang dilakukan oleh Malaysia dalam perjuangannya menentang pengganas (Komunis) dari 1948 hingga 1990.

"Kita harus mengkaji puncanya, mengapakah sesetengah orang sanggup mengorbankan dirinya untuk mencapai sesuatu yang mereka perjuangkan. Jika kita mencari sebabnya dan mengatasinya, maka lebih ramai orang akan mengelak daripada menjadi pengganas. Jika kita tidak menghapuskan puncanya, kita mendapati keganasan akan berterusan selama-lamanya," kata beliau.

Dr Mahathir mengaku bahawa serangan ke atas Amerika Syarikat akan menjejaskan "sedikit" ekonomi Malaysia.

Beliau berkata pengguna di Amerika Syarikat mungkin tidak akan menggunakan barangan keluaran Malaysia seperti biasa sebelum serangan pada 11 Sept lepas.

"Sudah tentu, kita akan terjejas dan begitu juga dengan kebanyakan negara lain," kata beliau.

Mengenai tanggapan dunia mengenai apa yang dipanggil pengganas Islam, Dr Mahathir berkata amat malang sekali bahawa mereka yang dikatakan terbabit dalam serangan ke atas Amerika Syarikat adalah mereka yang beragama Islam.

"Tetapi keganasan juga berlaku di Jepun. Ada pengganas Hindu dan pengganas Yahudi. Dalam kes ini, secara kebetulan yang terbabit adalah pengganas Islam," kata beliau.

Dr Mahathir berkata mungkin mereka yang membuat tanggapan itu tidak dapat membezakan pengganas daripada masyarakat Islam, menyebabkan ada insiden apabila pelawat beragama Islam perlu menjalani soal siasat oleh pihak berkuasa.

"Mereka membuat andaian bahawa sesiapa yang menggunakan nama Islam mungkin berpotensi sebagai pengganas. Akhirnya, ia menjadi serangan terhadap orang Islam atau perasaan curiga terhadap orang Islam sedangkan ada pengganas yang bukan Islam dan mungkin juga Kristian," kata beliau.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berharap bahawa kewarasan akal akan mengatasi semuanya dan bahawa kemarahan yang dirasakan oleh rakyat Amerika akan berkurangan dan mereka akan mula berfikir secara rasional mengenai apa mereka sebenarnya perlu lakukan.

"Apabila itu berlaku, Saya berpendapat bahawa reaksi dan tindakan mereka adalah lebih konstruktif," kata beliau.

-- BERNAMA
MAM AHH FAZ